



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
SUKU TAHUNAN SUKU KEEMPAT 2020
DAN TAHUNAN 2020

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2020
AND ANNUAL 2020

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN
SUKU KEEMPAT 2020 DAN TAHUNAN 2020**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TAJUK UTAMA:
EKONOMI NEGARA MENCATATKAN PERTUMBUHAN POSITIF 1.2
PERATUS BAGI TAHUN 2020**

1. Ekonomi negara pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak 1.2 peratus yang mana disumbangkan oleh Sektor Bukan Minyak & Gas sebanyak 9.0 peratus. Walaubagaimanapun Sektor Minyak & Gas mencatatkan penurunan sebanyak 4.9 peratus. Pertumbuhan pada tahun 2020 dicapai setelah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi sembilan bulan pertama tahun 2020 mencatatkan pertumbuhan yang positif.
2. Pada suku keempat (Q4) 2020, KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa berjumlah BND4.1 bilion berbanding BND4.8 bilion pada Q4 2019. Sektor Minyak & Gas merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) dengan sumbangan sebanyak 44.8 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 55.2 peratus.
3. Pada harga tetap, KDNK pada Q4 2020 menurun sebanyak 1.4 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam Sektor Minyak & Gas sebanyak 8.6 peratus. Manakala, Sektor Bukan Minyak & Gas mencatatkan peningkatan sebanyak 7.4 peratus.



4. Penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 122.7 ribu tong sehari pada Q4 2019 kepada 105.1 ribu tong sehari pada Q4 2020. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 34.5 juta meter padu sehari pada Q4 2019 kepada 32.5 juta meter padu sehari pada Q4 2020. Selain itu, pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 982,117 MMBtu sehari kepada 901,071 MMBtu sehari pada tempoh masa yang sama.
5. Manakala, peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh aktiviti hiliran berikutan peningkatan pengeluaran produk petroleum dan kimia, dengan nilai tambah kasar (GVA) sebanyak BND362.5 juta pada harga tetap.
6. Ini diikuti dengan peningkatan dalam subsektor Perdagangan Borong & Runcit selaras dengan peningkatan permintaan domestik berikutan sekatan perjalanan keluar negara semasa negara mengalami penularan pandemik COVID-19. Peningkatan subsektor ini adalah juga selaras dengan peningkatan jualan runcit yang didorong terutamanya oleh jualan Peralatan Komputer & Telekomunikasi. Subsektor Perkhidmatan Kesihatan juga meningkat berikutan peningkatan dalam aktiviti perkhidmatan kesihatan bagi sektor kerajaan dan sektor swasta.
7. Selain itu, Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga mencatatkan kenaikan sebanyak 27.5 peratus pada Q4 2020 berikutan peningkatan dalam pengeluaran subsektor-subsektor Perikanan, Ternakan dan Sayur-Sayuran, Buah-Buahan & Pertanian Lain. Peningkatan dalam aktiviti

Perikanan adalah terutamanya disebabkan oleh pengeluaran udang ternakan di dalam aktiviti industri akuakultur. Manakala, peningkatan dalam aktiviti Ternakan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran daging lembu dan ayam pedaging. Sementara itu, pengeluaran padi adalah penyumbang terbesar kepada peningkatan subsektor Sayur-Sayuran, Buah-Buahan & Pertanian Lain.

8. Mengikut pendekatan perbelanjaan, penurunan KDNK adalah terutamanya disebabkan penurunan permintaan luar iaitu eksport barangan dan perkhidmatan sebanyak 10.2 peratus tahun-ke-tahun. Permintaan dalam negeri juga mencatatkan penurunan disebabkan penurunan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 5.4 peratus dan penurunan Perbelanjaan Kapital sebanyak 1.9 peratus khususnya pelaburan kerajaan. Walaubagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh peningkatan pada Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah sebanyak 5.0 peratus

KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap:

	Q4 2019	Q4 2020	% Pertumbuhan
Permintaan Dalam Negeri	4,001.0	3,954.0	(1.2)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,206.2	1,140.9	(5.4)
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,035.6	1,087.6	5.0
Perbelanjaan Kapital	1,759.2	1,725.4	(1.9)
Permintaan Luar Negeri	3,844.0	3,452.6	(10.2)
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	3,844.0	3,452.6	(10.2)
KDNK	5,122.8	5,049.7	(1.4)

9. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Keempat 2020 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**


**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
FOURTH QUARTER 2020 AND ANNUAL 2020**

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMY GREW POSITIVE 1.2 PER CENT IN 2020

- 1. Brunei Darussalam's economy in 2020 grew by 1.2 per cent which was attributed to an increase in the Non-Oil & Gas sector by 9.0 per cent. Meanwhile, the Oil & Gas Sector recorded a decline of 4.9 per cent. The overall growth in 2020 was achieved after the gross domestic product (GDP) in the first nine months recorded a positive growth.*
- 2. In the fourth quarter (Q4) 2020, Brunei Darussalam's GDP at current prices was valued at BND4.1 billion compared to BND4.8 billion in Q4 2019. The Oil & Gas Sector, comprising oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), which accounted for 44.8 per cent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 55.2 per cent.*
- 3. At constant prices, GDP recorded a negative growth of 1.4 per cent year-on-year in Q4 2020. This was due to a decrease in the Oil & Gas Sector by 8.6 per cent. Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector recorded an increase of 7.4 per cent.*



4. *The decline in the Oil & Gas Sector was mainly due to a decrease in the production of crude oil from 122.7 thousand barrels per day in Q4 2019 to 105.1 thousand barrels per day in Q4 2020. Natural gas production also recorded a decrease from 34.5 million cubic metres per day in Q4 2019 to 32.5 million cubic metres per day in Q4 2020. In addition, LNG production declined from 982,117 MMBtu per day to 901,071 MMBtu per day during the same period of time.*
5. *Meanwhile, the growth in the Non-Oil & Gas Sector was mainly due to the downstream activities following the increase in the production of petroleum and chemical products, with a GVA of BND362.5 million at constant prices.*
6. *This was followed by an increase in the subsector of Wholesale and Retail Trade which contributed by an increase in the domestic demand as travel restrictions remain effective amid the COVID-19 pandemic. The increase in this subsector was also in line with the increase in retail sales driven mainly by the sales of Computer & Telecommunication Equipment. The Health Services subsector also increased in line with the increase in both government and private health services activities.*
7. *In addition, the Agriculture, Forestry & Fishery sector also recorded an increase of 27.5 per cent in Q4 2020. This was due to an increase in the production of subsectors such as Fishery, Livestock & Poultry and Vegetable, Fruits & Other Agriculture. An increase in Fisheries activities was mainly due to the production of farm prawns under aquaculture industry. In addition, an increase in livestock & poultry activities was mainly*

associated with an increase in the production of cattle and broiler. Meanwhile, paddy production was the biggest contributor to the increase in the Vegetables, Fruits & Other Agriculture subsector.

8. *By expenditure approach, negative GDP growth was mainly due to a decrease in the external demand (exports of goods and services) by 10.2 per cent. Domestic demand also recorded a decrease of 1.2 percent due to decreases in the Government Final Consumption Expenditure by 5.4 percent and Gross Capital Formation by 1.9 percent particularly government investment. However, this growth was moderated by an increase in the Household Final Consumption Expenditure by 5.0 percent.*

GDP by Expenditure at Constant Prices

	Q4 2019	Q4 2020	% Growth
Domestic Demand	4,001.0	3,954.0	(1.2)
Government Final Consumption Expenditure	1,206.2	1,140.9	(5.4)
Household Final Consumption Expenditure	1,035.6	1,087.6	5.0
Gross Capital Formation	1,759.2	1,725.4	(1.9)
External Demand	3,844.0	3,452.6	(10.2)
Exports	3,844.0	3,452.6	(10.2)
GDP	5,122.8	5,049.7	(1.4)

9. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Fourth Quarter of 2020 is available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*